

22/02/1997

Ke arah membentuk Malaysia negara taman

Ismail Ngah

DALAM persidangan di Rio de Janeiro, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat komitmen bahawa Malaysia akan mengekalkan 50 peratus kawasannya dilitupi hutan secara berkekalan berbanding negara lain di dunia yang menetapkan sasaran pada 30 peratus saja. Kesungguhan ini juga terus menjadi salah satu teras pembangunan negara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) mengawal dan memulihara alam sekitar. Selaras dengan itu, kerajaan ingin melihat Malaysia sebagai sebuah negara taman menjelang tahun 2005.

Apa itu negara taman? Ia adalah satu konsep baru diperkenalkan walaupun pada hakikatnya taman adalah gambaran yang sentiasa disebut dalam semua kitab dan ajaran agama serta tamadun manusia. Negara taman berlandaskan prinsip yang serupa tetapi mempunyai konteks yang lebih besar yang membabitkan keseluruhan negara dan bukan saja kawasan bandar yang terdapat di dalamnya. Gambaran yang paling simplistik bagi sebuah negara taman ialah wujudnya keseimbangan di antara kawasan hijau dan kawasan pembangunannya. Ia juga bermakna lanskap sentiasa menjadi komponen atau sebahagian pembangunan keseluruhan negara itu.

Bagi mencapai tahap negara taman ini, pembangunan lanskap perlulah berkualiti dan dilaksanakan secara menyeluruh. Pembangunan lanskap berkualiti hanya boleh dihasilkan jika semua aspek pembangunan lanskap sama ada dari segi perancangan, reka bentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan dijalankan dengan sempurna. Menyeluruh bermakna membabitkan semua kawasan, bukan saja kawasan taman dalam erti kata taman yang sebenarnya, tetapi juga semua ruang terbuka dalam kawasan pembangunan seperti ruang di tepi jalan, pinggir sungai, pinggir pantai dan sebagainya.

Untuk mewujudkan negara taman tulen, banyak perkara perlu dilaksana atau diselesaikan. Bagi merealisasikan matlamat ini beberapa perkara perlu diambil kira:

- * Mewujudkan negara taman yang berimejkan Malaysia; Bentuk pembangunan kawasan lanskap mestilah berasaskan sosiobudaya masyarakat Malaysia, sesuai dengan keadaan semula jadi negara dan menggunakan sumber-sumber tempatan bagi melahirkan imej Malaysia. Negara mempunyai banyak ciri-ciri unik dan berbeza dengan mana-mana negara lain di dunia. Malaysia sebagai sebuah negara taman perlulah mempamerkan suasana negara taman tropika yang berlandaskan sosiobudaya yang harmoni dan indah.

Dalam pada itu, perlu juga ada perbezaan dan identiti yang nyata bagi negeri-negeri atau bandar-bandar berdasarkan ciri-ciri tersendiri. Setiap negeri mahu pun bandar mempunyai sejarah yang berbeza dan nilai-nilai khusus yang boleh dikaitkan kepadanya. Sebelum ini ada usaha untuk menetapkan satu bunga bagi satu bandar. Usaha seumpamanya patut diteruskan bagi membentuk identiti bandar di negara ini.

- * Memastikan penyediaan kawasan lapang dan ruang lanskap berkualiti.

Harus juga dipastikan penyediaan kawasan lapang dan ruang lanskap bukan saja mencukupi tetapi berkualiti. Piawaian yang sedia ada khususnya bagi kawasan lapang lebih menekankan kepada kuantum kawasan yang perlu disediakan. Disebabkan ini timbul masalah kawasan lapang yang tidak dimanfaatkan. Antara sebab-sebabnya ialah saiz yang terlalu kecil, lokasi yang tidak sesuai dan ketiadaan kemudahan.

Bagi memastikan kawasan lapang dan ruang lanskap berkualiti hendaklah dipastikan kawasan seperti berikut:

- * Cukup besar. Ia hendaklah ditentukan berdasarkan saiz minimum bagi kawasan lapang mengikut kedudukannya dalam hirarki kawasan lapang;
- * Mempunyai aksesibiliti yang baik;
- * Disediakan dengan kemudahan mencukupi dan dilanskap dengan baik; dan
- * Dirancang dan direka bentuk secara profesional.

Penyediaan pelan lanskap itu penting bagi memastikan rupa bentuk lanskap dan kawasan lapang berkualiti. Setiap cadangan pemajuan dengan itu perlu dikemukakan dengan pelan lanskap yang direka bentuk oleh arkitek lanskap bertauliah. Pelan lanskap perlu dipertimbangkan bersama-sama pelan bangunan dan pelan itu perlulah mematuhi syarat lanskap yang dikenakan bersama-sama kelulusan pelan susun atur. Setiap pelan lanskap secara kasarnya perlulah menunjukkan jenis-jenis pokok termasuk pokok sedia ada yang perlu dikekalkan, kemudahan yang akan disediakan dan maklumat lain berkaitan seperti garisan bangunan, garis sempadan, garis tanda basement, utiliti bawah tanah dan sebagainya. Pelan lanskap juga perlu disertai dengan lukisan terperinci dan lukisan keratan rentas bagi sesetengah kawasan seperti di bahu jalan, tepi bangunan dan kawasan cerun. Dalam pemberian Sijil Kelayakan Kependudukan bagi sesebuah pembangunan, pihak berkuasa tempatan hendaklah memastikan terlebih dahulu yang pelaksanaannya telah mengikut pelan lanskap yang diluluskan dan kualiti lanskap berada di tahap yang memuaskan.

- * Memastikan kreativiti yang tinggi dan kepelbagaian dalam reka bentuk lanskap. Estetik adalah satu-satunya nilai yang berkait secara langsung dengan lanskap. Lanskap yang direka bentuk dengan baik akan mempertingkatkan keindahan sesebuah kawasan. Pereka bentuk lanskap digalakkan menghasilkan reka bentuk yang kreatif bagi kawasan lanskap. Di samping itu, perlu juga ada kepelbagaian dalam reka bentuk lanskap yang dihasilkan. Walaupun perlu membawa tema Malaysia, setiap taman atau kawasan lanskap perlu mempunyai daya tarikan tersendiri.

Lanskap juga boleh memainkan fungsi khusus sebagai penampakan, penahan hakisan, penghadang pandangan, penunjuk arah dan sebagainya. Bagi menjadikan usaha lanskap itu lebih bermakna reka bentuk termasuk pemilihan pokok yang sesuai adalah perlu supaya lanskap boleh memainkan fungsi yang diperlukan dalam sesuatu kawasan.

- * Memastikan pembangunan taman awam lengkap dan sempurna. Selaras dengan hasrat melahirkan rakyat Malaysia yang sihat dan cergas, taman awam adalah satu kemudahan yang perlu disediakan. Walaupun ada banyak kemudahan rekreasi yang disediakan oleh swasta, keperluan terhadap taman awam tetap wujud memandangkan sifatnya yang terbuka kepada semua dan boleh digunakan dengan kekerapan yang tidak terbatas. Perlu dijadikan satu dasar kerajaan supaya setiap bandar di negara ini sekurang-kurangnya mesti mempunyai satu taman awam yang lengkap dan menepati kehendak dan keperluan semua peringkat umur dan masyarakat sekitarnya.

- * Memastikan pewujudan dan pengekaln taman awam dan kawasan lanskap yang berterusan. Penyediaan taman awam dan kawasan lanskap perlu diwujudkan mengikut keperluan semasa. Bagi mengelakkan taman awam daripada diambil alih oleh bentuk pembangunan lain, ianya perlu diwartakan. Pewartaan ini boleh dibuat secara khusus oleh kerajaan negeri atau menerusi rancangan struktur atau rancangan tempatan yang berkaitan. Penggubalan akta khusus bagi taman awam dan kawasan lanskap juga perlu. Menerusi akta ini, dicadangkan Kerajaan Pusat diberi lebih kuasa dari segi menentu dan mewartakan tapak taman awam atau kawasan lanskap.

- * Memastikan penyelenggaraan lanskap yang sempurna dan berterusan. Di samping memastikan pengekaln taman awam dan kawasan lanskap, penting juga penyelenggaraan sempurna bagi kawasan itu bagi memastikan ia dapat terus berfungsi.

Bagi penyelenggaraan yang berkesan khususnya oleh pihak berkuasa

tempatan, perlu diadakan Pelan Pengurusan Lanskap, yang antara lain memuatkan jadual atau program penyelenggaraan bagi memastikan penyelenggaraan yang sistematik. Jadual penyelenggaraan itu perlu menyenaraikan semua kerja penyelenggaraan dan kekerapan pelaksanaan dalam tempoh tertentu biasanya setahun. Penggunaan jadual ini lebih berkesan jika disokong oleh dokumen seperti 'Street Planting Directory' yang mendaftarkan maklumat penanaman pokok.

* Memastikan industri lanskap yang berdaya saing dan mampu menyumbang kepada ekonomi negara. Lanskap di negara ini satu industri yang secara relatifnya baru tetapi berpotensi besar untuk berkembang. Lebih ramai patut digalakkan menyertai industri ini sama ada dari segi pembekalan bahan tanaman, bahan lanskap, perkhidmatan pakar runding dan sebagainya. Galakan perlu diberikan supaya bahan-bahan dan peralatan lanskap dapat dikeluarkan dalam negara.

(END)